

01 MAR 2003

Rafidah-Bicara (EMBARGO: jam 2100/1 Mac 2003)

TINGKATKAN PERMINTAAN DALAM NEGERI, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia dapat mengimbangkan kesan daripada kemungkinan perang antara Amerika Syarikat dan Iraq dengan meningkatkan permintaan dalam negeri, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata walaupun ekonomi negara akan terjejas, kerajaan cuba merencanakan ekonomi yang berpunca daripada peningkatan permintaan tempatan.

"Bukanlah kita dapat mengimbangkan dengan penuh apa-apa kekurangan di sektor luar, tetapi jurangnya tidaklah begitu terjejas kerana kita mempunyai asas yang pelbagai," katanya.

Usahawan-usahawan tempatan juga patut beralih daripada sektor tradisi seperti pembinaan kepada sektor produktif seperti perkilangan, katanya ketika ditemubual dalam rancangan Bicara Bernama yang disiarkan menerusi saluran Astro Ria malam ini. Bicara Bernama adalah program mingguan terbitan Bernama.

Rafidah berkata selain itu, Malaysia juga berpeluang mengeksport ke negara-negara Timur dan negara-negara Asean yang lain.

"Tahun lepas pun, pasaran terbesar kita adalah Asean iaitu 26 peratus, Amerika hanya jatuh nombor dua," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan terus mempromosi negara ini sebagai pusat serantau bagi pasaran negara Asean.

Dalam suasana perang, katanya pelabur-pelabur asing mungkin akan lebih tertarik kepada Malaysia kerana kehadiran pasaran Asean yang tidak terjejas oleh perang berbanding pasaran Amerika Syarikat dan Timur Tengah.

Rafidah, yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno, turut ditanya mengenai suasana politik negara apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada Oktober depan.

Rafidah berkata beliau percaya tidak akan berlaku peletakan jawatan beramai-ramai dalam Kabinet apabila Dr Mahathir melepaskan jawatan itu nanti.

Rafidah berkata cadangan supaya menteri-menteri Kabinet turut mengundurkan diri dengan peletakan jawatan Dr Mahathir itu sebenarnya datang daripada pihak yang tidak memahami tanggungjawab menteri-menteri Kabinet dalam kerajaan.

Menurutnya yang mengundurkan diri dan melapaskan jawatan Perdana Menteri ialah Dr Mahathir bukannya kerajaan Barisan Nasional.

Katanya yang masih tinggal dalam kerajaan itu masih mempunyai tugas dan tanggungjawab yang perlu diselesaikan.

"Bila Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) jadi PM nanti... terpulanglah pada dia, terpulanglah pada pilihan raya. Itu semua ikut nasib.

"Kalau kita tidak diambil bertanding pilihan raya, itu nasib, yang diambil bertanding pilihan raya, nasib juga, dan kalau selepas pilihan raya, Pak Lah ambil jadi Menteri, nasib jugalah.

"Kalau dia kata 'goodbye', 'goodbye' lah kita dan kalau diambilnya orang baru, janganlah kita marah," katanya.

Rafidah berkata walaupun hampir pasti setiap perubahan jawatan nombor satu dalam parti dan kerajaan negara akan mengakibatkan pergolakan dalam parti, beliau pasti ia tidak akan menjejaskan parti dan negara.

"Pada hakikatnya, tidaklah ada banyak perubahan kerana kita lihat pemimpin Umno itu juga, wawasan Umno itu juga. Cuma kalau ada perubahan-perubahan jawatan dan sebagainya, kemungkinan pergolakan sedikit

sebanyak adalah," katanya.

Mengenai perwatakan Abdullah yang sering dinilai sebagai lemah lembut dan tidak lantang seperti Dr Mahathir, Rafidah berkata sifat yang ditunjukkan oleh Abdullah adalah yang sebaik-baiknya bagi seseorang yang masih menjawat jawatan nombor dua dalam kerajaan.

Katanya amalan merendah diri dan tidak terlalu menonjolkan diri melebihi penjawat jawatan nombor satu itu turut diamalkan oleh Dr Mahathir ketika bergelar Timbalan Perdana Menteri kepada Perdana Menteri ketika itu Tun Hussein Onn.

"Datuk Seri Dr Mahathir sebenarnya sewaktu beliau TPM, banyak orang yang tak kenal dia, tak berapa kenal sebagai TPM, kerana saya rasa beliau sengaja... sebagai timbalan, low profile (tidak menonjolkan diri), sengaja tak menonjol-nonjolkan diri dan tak bersuara lebih daripada ketuanya, daripada Tun Hussein yang kita tahu orangnya tak lantang dan tak bersuara banyak.

"Saya yakin, bila Pak Lah jadi pemimpin, maka dia akan menonjolkan perwatakan nombor satunya dan kita harap yang nombor dua pula akan tahu tempatnya. Jangan pula lebih naik tocang," katanya.

-- BERNAMA

NHA NHZ AZZ NAK